

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 JLD2 (45)
Tarikh : 05 Mac 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs Dr. / Tuan / Puan,

**PELARASAN CEK TERBATAL / EFT DITOLAK YANG MELEBIHI TEMPOH ENAM (6) TAHUN
KE AKAUN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan mulai bulan Januari 2024, Cek Terbatal / EFT Ditolak yang **tidak dituntut selepas enam (6) tahun** dari tarikh EFT Ditolak hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Perkara ini adalah selaras dengan ketetapan pada Lampiran G, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 5/2023 para 2.1.5 dan 3.1.5.

3. Bersama-sama surat ini dilampirkan **Manual Pelarasan Cek Terbatal / EFT Ditolak yang melebihi tempoh enam (6) tahun ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan** untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Madhavi a/p Arumugam di talian 05-2462151. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg. Datuk / Dato' / Datin / YBrs. Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**